

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PERASMIAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2014  
BERTEMPAT DI SEKOLAH MENENGAH SAINS  
TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN  
20 JANUARI 2014  
3:00 PETANG**

---

Terima kasih Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, MPSP

**Yang Berusaha Tuan Haji Jamaluddin bin Yaakop**

Pengetua Cemerlang Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin

Ketua Jabatan MPSP

**Yang diraikan anak-anak kita, pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam  
Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2014**

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2014 pada petang ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd kerana masih sudi lagi memberi tajaan untuk Program Anugerah Sekolah Hijau bagi tahun yang kelima. Disamping itu, ucapan terima kasih kepada Pengetua Cemerlang Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin, Tuan Haji Jamaluddin Bin Yaakob kerana sudi memberi kebenaran untuk mengadakan pelancaran Program Anugerah Sekolah Hijau Tahun 2014 di sini.

Pada tahun 2014 ini, Continental Automtive Components (Malaysia) Sdn Bhd akan menaja hadiah wang tunai dan piala sebanyak RM25,000.00. Bagi setiap kategori, iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah, wang tunai yang disediakan adalah: Johan RM2,000.00, naib johan - RM1,600.00, ketiga - RM1,000.00, 6 hadiah anugerah perak RM600.00 dan 6 hadiah gangsa - RM300.00. Manakala Anugerah khas bagi program sisa sifar, kebersihan dan penghijauan, inovasi dan kreativiti serta penglibatan komuniti dengan wang tunai RM200.00. Pemenang bagi setiap kategori akan disyorkan untuk menyertai pertandingan peringkat negeri anjuran *Penang Green Council*.

Pada tahun 2013, Johan untuk Peringkat Negeri ialah SM Sains Tun Syed Sheh Shahabudin dan Sekolah Kebangsaan Permatang To Kandu. Sekolah-sekolah di Seberang Perai juga telah berjaya memenangi 6 anugerah dari 8 anugerah keseluruhannya di peringkat negeri (3/4 @ 75% daripada anugerah memihak kepada Seberang Perai. Tahniah diucapkan.

Anugerah Sekolah Hijau telah mula dijalankan dengan tujuan untuk memberikan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalak penambaan berterusan di peringkat alam persekolahan dan di umur yang lebih muda. Ia perlu diberi tumpuan kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan alam sekitar dan lain-lain lagi.

Semasa saya di Yokohama, saya bertanya berapa lama Yokohama ambil masa untuk sampai ketahap kebersihan sekarang. Mayor Of Yokohama memaklumkan, selama 30-40 tahun. Keutamaan City Of Yokohama untuk itu adalah pendedahan dan pendidikan di peringkat alam persekolahan semasa kanak-kanak 30-40 tahun dahulu. Sekarang mereka telah dewasa dan mempunyai anak, kebersihan dan tiada sisa sudah menjadi amalan harian mereka dan dilanjutkan kepada anak-anak mereka. Oleh itu, keseluruhan penduduk Yokohama adalah suka akan kebersihan, kitar semula dan mengurangkan sisa. Justeru, apa yang kita jalankan ini adalah satu cara yang berkesan dan sama juga seperti yang dijalankan di Yokohama. Sehubungan dengan itu, saya berharap anda semua akan menjadi rakyat yang mengamalkan sisa sifar dan diperturunkan kepada anak-anak nanti. Dalam 10-20

tahun akan datang, Seberang Perai akan menjadi seperti Yokohama dari segi kebersihan.

Para pelajar, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Penyertaan sekolah dalam anugerah ini bertambah dari tahun ke tahun. Pada awal wujudnya program ini iaitu pada tahun 2010, sebanyak 30 buah sekolah sahaja yang mengambil bahagian. Kemudian, meningkat sebanyak 6 sekolah menjadikan 36 buah sekolah pada tahun 2011 manakala tahun 2012 sebanyak 53 buah sekolah. Berkat kesungguhan pengetua, guru-guru, pelajar-pelajar, Syarikat Continental sendiri serta MPSP, kita telah berjaya meningkatkan penyertaan sebanyak 86 buah sekolah pada tahun 2013 iaitu 59 dari 157 buah sekolah rendah dan 27 dari 73 buah sekolah menengah. Pada tahun 2014, sehingga kini penyertaan sebanyak 18 buah sekolah rendah dan 10 sekolah menengah. Penyertaan masih dibuka untuk semua sekolah rendah dan menengah. Pada saya, ini merupakan satu peningkatan yang amat membanggakan. Kriteria penilaian yang ditetapkan ialah seperti berikut:

- Perancangan dan pengurusan - 20 markah
- Amalan sisa sifar - 30 markah
- Kebersihan dan penghijauan - 20 markah,
- Pengurusan sumber ke arah meningkatkan kecekapan dan penjimatan - 10 markah
- Program inovasi dan kreativiti - 10 markah
- Penglibatan komuniti - 10 markah

Para pelajar, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sekolah merupakan tempat paling tepat untuk membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Ini adalah kerana hanya di sekolahlah keperibadian dan persepsi manusia terhadap alam sekitar dapat dibentuk atau dicorakkan. Apabila sudah dewasa atau keluar dari alam persekolahan, seorang manusia akan lebih sukar untuk dididik seperti kata pepatah “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”. Sekolah yang juga dianggap sebagai rumah kedua bagi setiap pelajar dapat memupuk mereka mempraktikkan amalan mesra alam seawal usia muda dan dapat memastikan kesinambungannya sehingga mereka dewasa kelak.

Untuk makluman umum semua,

Pada tahun 2013, MPSP membelanjakan RM 8,639,665.44 untuk menguruskan 427,706.21 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Ini cuma bayaran *tipping fee* RM 20.20 / tan sahaja, tidak termasuk gaji pekerja, petrol, kos penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan. Jika kita dapat bersama-sama dalam menjalankan sisa sifar / kitar semula, alangkah baiknya kalau wang yang dibelanjakan itu dapat digunakan untuk mengindahkan Seberang Perai, menyediakan lebih banyak kemudahan asas kepada warga Seberang Perai. Dengan perbelanjaan tinggi yang perlu dikeluarkan untuk mengurus sisa pepejal maka saya menyeru supaya kita bersama-sama menghayati pelaksanaan sisa sifar ini. Dalam pelaksanaan sisa sifar, orang ramai boleh menjalankan pengkomposan dan 4R (rethink, reduce, reuse & recycle). Untuk makluman semua, pada tahun 2013, kita telah mencapai kadar kitar semula melebihi 32% dan saya berharap dengan adanya penglibatan pelajar-pelajar

ini, kita dapat mencapai kadar yang lebih baik lagi dari tahun lepas. Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2013 telah diadakan pada 3 September 2013 dan kita telah menerima sebanyak 8 penyertaan. Manakala pada 2014, penyertaan telah bertambah iaitu 75 penyertaan lagi.


Oleh itu, MPSP dan agensi-agensi seperti Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd sentiasa menggalakkan aktiviti-aktiviti bertemakan pemeliharaan alam sekitar terutamanya di sekolah dengan harapan dapat mendidik pelajar di sekolah mencintai alam sekitar seterusnya melahirkan generasi masa depan yang mesra alam dan para pelajar ini dapat memberi pendidikan kepada ibu bapa, saudara mara mereka tentang mencintai alam sekitar.

Selain dari menaja Anugerah Sekolah Hijau, Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn Sdn juga menganjur kempen keselamatan jalanraya untuk sekolah rendah. Komponen kempen termasuk keselamatan diri, kuiz, permainan dan matching. Bagi sekolah-sekolah yang baru menyertai sekolah hijau pada tahun ini, Guppy Plastics Industries Sdn Bhd akan membekal pasu-pasu bunga kepada sekolah-sekolah tersebut. Tetra Pak Malaysia, Singapore and Filipina akan menganjur program bersama MPSP untuk kutipan kotak minuman. Hadiah-hadiah yang ditawarkan ialah RM1,000.00 bagi johan, RM800.00 bagi naib johan dan ketiga RM500.00 Syaratnya sekolah perlu kumpul satu tan bagi tahun ini. Kriteria berdasarkan per kapital iaitu kg/pelajar. Manakala Kumpulan Al-Hakim dari Dhaka, Bangladesh akan memberi sumbangan pokok neem (mambu) untuk ditanam di

sekolah. Difahami pokok neem (mambu) dapat menghalau nyamuk dan ada elemen perubatan.

MPSP mengucapkan ribuan berterima kasih kepada semua sekolah-sekolah kerana dalam tempoh 4 tahun telah membantu meningkat imej Seberang Perai ke antarabangsa. *United Nation Environment Programme (UNEP)* dan *Global Environment Centre Foundation (GEC)*, Japan juga tertarik dengan usaha kita dalam program pemeliharaan alam ini. Pada 22 Januari 2014 pihak UNEP/GEC akan membuat lawatan ke SJK (C) True Light, Kampong Juru dan SM Sains Tun Syed Sheh Shahabudin. Tahniah diucapkan kerana dipilih oleh pertubuhan antarabangsa untuk lawatan tersebut.

Akhir kata dari saya, pilihan untuk membuat perubahan dari segi gaya hidup berada di tangan kita. Buatlah pilihan yang bijak. Kita perlu menghargai kepentingan alam sekitar dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama.

Oleh itu, dengan lafaz , saya melancarkan Anugerah Sekolah Hijau MPSP bagi tahun 2014.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.